

Jangan biar perbezaan agama, budaya halang kemajuan - Najib

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Malaysia seharusnya merayakan kepelbagaian budayanya dan bukannya membiarkan perbezaan budaya dan agama menyekat kemajuan ekonomi, perpaduan nasional dan keselamatan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Daripada memberi tumpuan kepada perbezaan, rakyat Malaysia sebaliknya hendaklah menggunakan nilai-nilai utama yang di-

kongsi oleh pelbagai budaya dan agama untuk mengukuhkan lagi amalan hak asasi sejagat," kata Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan pada pelancaran Hari Hak Asasi Manusia 2006 di sini hari ini. Ia dibacakan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Najib berkata rakyat Malaysia perlu peka

kepada kepelbagaian pegangan agama, amalan dan perbezaan dalam budaya tradisi mereka.

"Mereka harus saling menghormati pegangan dan amalan serta menghormati hak prang lain ketika memperjuangkan hak sendiri," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia perlu meneruskan usaha ke arah

meningkatkan lagi pencapaian mereka dengan memberi tumpuan kepada nilai asas yang dikongsi bersama dan menghargai kepelbagaian itu.

Beliau juga meminta para guru dan pelajar supaya tidak hanya memberi tumpuan ke arah mendapatkan keputusan baik dalam peperiksaan tetapi juga menilai bagaimana asas sesuatu budaya itu dapat di-

padankan dengan budaya kumpulan etnik yang lain.

Najib melahirkan rasa kecewa kerana hanya dua tempat di Malaysia iaitu Taman Negara Mulu dan Taman Negara Kinabalu National Park disenaraikan sebagai Tapak Warisan Duma oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu.

-Bernama